

Lelaki berjudi dalam talian di tempat awam didenda

MIRI: Seorang lelaki didenda RM2,500 atau dua minggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan bermain judi dalam talian di tempat awam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah tertuduh, Gramu Nyaring, 33, dari Rantau Limau, Julau, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen itu memperuntukkan denda sehingga RM5,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh ditahan pada jam 10.30 pagi, 25 Ogos lalu di sebuah premis di Blok 9 MCCLD di sini oleh sepasukan anggota polis yang menjalankan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti perjudian jenis judi dalam talian.

Hasil pemeriksaan lanjut mendapati telefon bimbit milik tertuduh memaparkan aplikasi judi dalam talian.

Berikutnya itu, tertuduh ditangkap dan telefon bimbitnya dirampas sebagai barang kes.

Dihadapannya mahkamah, tertuduh yang tidak diwakili peguam bela merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dikenyalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Celestey Telen Luhut.